

Tunai 'Zakat masa' bagi pupuk harmoni kaum dan agama

SETIAP kali Cik Nazhath Faheema mendengar berita tentang insiden pengganasan, hatinya terguris sayu.

Terguris kerana mengenangkan orang-orang tidak berdos yang menjadi mangsa perbuatan tidak berperikemanusiaan.

Sayu apabila melihat kemuliaan dan kesucian agama terus termoda. Namun, Cik Nazhath tidak mahu setakat berpeluk tubuh.

Sebaliknya, insiden seumpama itu mengukuhkan lagi tekadnya untuk terus berjuang demi keharmonian kaum dan agama di Singapura.

Ini semua dilakukannya menerusi wadah silang agama hash.peace yang diasaskannya dua tahun lalu dan bertujuan memupuk titik persefahaman dan toleransi menerusi kegiatan bercorak silang agama.

"Kerja sukarela ini memerlukan banyak masa. Tetapi inilah zakat masa yang mampu saya berikan. Saya gembira dapat rapatkan hubungan antara orang-orang berlainan kaum dan agama yang tidak mengemahi satu sama lain," kata warga Singapura berusia 33 tahun itu yang bekerja sebagai ketua pemasaran di sebuah syarikat media setempat.

Minat ibu dua cahaya mata berisni enam dan lapan tahun itu terhadap isu-isu sosial dan politik bukanlah baru.

Malah ia berputik sejak beliau di sekolah rendah lagi.

"Ibu bapa dan kaum keluarga saya suka berbul dan berbincang tentang isu-isu sosial seperti nasib mangsa-mangsa rusuhan dan pertelingkahan kaum khususnya di kampung halaman mereka di India."

"Kisah-kisah ini memupuk kesedaran dan menjadi minat saya sampai sekarang," kata bekas penuntut sekolah menengah St Anthony's Canossian dan lulusan Sarjana dalam Pemasaran dan Tabiat Konsumer dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Sarjana Muda dalam Pengurusan Sistem Maktum dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Ibu bapa beliau berasal dari India tetapi kini warga Singapura.

Antara lain, hash.peace yang dituriskan bersama dua lagi teman menganjurkan acara *Heritage Saturday* setiap bulan yang mengajak peserta mengenali warisan dan budaya masing-masing menerusi lawatan ke tempat tumpuan etnik.

Badan bukan mencari untung itu juga menganjurkan sesi dialog tertutup *Conversations Behind Closed Door* yang memberi peluang kepada peserta mengajukan soalan dan berbincang secara intim dengan pakar isu-isu semasa.

Misalnya, November lalu, ia menganjurkan sesi bertajuk 'Hakikat Mengenai Pengganasan di Asia' bersama penceramah undangan dan pakar isu pengganasan, Dr Kumar Ramakrishna.

Satu lagi sesi, yang biasanya menarik penyertaan sekitar 40 peserta, bertajuk 'Harmoni dalam Masyarakat Berbilang Budaya: Minat Sementara atau Berpanjangan?' bakal dianjurkan tidak lama lagi.

Dalam satu usaha yang baru dipelopori, hash.peace, yang dibayai menerusi dana peribadi dan teman-teman, juga menggalak peserta meluaskan pandangan atau persoalan mengenai isu-isu sosial menerusi wadah teater.



PELUANG BERI PENJELASAN: Cik Nazhath berpeluang bersua muka dan memberi penjelasan mengenai ibadah puasa kepada Putera Harry dari Britain dalam satu acara iftar sempena lawatan putera itu ke Jamiyah tahun lalu. — Foto ihsan NAZHATH FAHEEMA



CIK NAZHATH FAHEEMA: Sayu melihat kemuliaan dan kesucian agama terus termoda lalu berusaha melakukan sesuatu. — Foto-foto BH oleh NAZRY MOKHTAR

"Rata-rata orang ramai, terutama orang Islam, pasrah apabila berdepan dengan isu-isu pengganasan. Mereka mengalah kerana percaya mereka tidak dapat lakukan apa-apa.

Tetapi mereka silap, banyak yang boleh kita lakukan. Sebagai anggota keluarga, sebagai kawan, sebagai jiran, kita boleh dekati orang di sekeliling kita, mengenali mereka dan meluaskan mesej keharmonian dan kedamaian.

Khususnya, kita sebagai orang Islam harus dekati orang bukan Islam untuk menegakkan imej agama kita yang sebenar menerusi perbuatan kita."

— Cik Nazhath Faheema

Ditanya pengamatannya mengenai sambutan bagi acara-acara silang agama yang dianjurkan, Cik Nazhath berkata:

"Rata-rata orang ramai, terutama orang Islam, pasrah apabila berdepan dengan isu-isu pengganasan. Mereka mengalah kerana percaya mereka tidak dapat lakukan apa-apa.

"Tetapi mereka silap, banyak yang boleh kita lakukan. Sebagai anggota keluarga, sebagai kawan, sebagai jiran, kita boleh dekati orang di sekeliling kita, mengenali mereka dan meluaskan mesej keharmonian dan kedamaian.

"Khususnya, kita sebagai orang Islam harus dekati orang bukan Islam untuk menegakkan imej agama

kita yang sebenar menerusi perbuatan kita," kata beliau, yang merupakan antara Duta Muda Kedamaian Islam kelolaan Jamiyah.

Sebagai duta, beliau berpeluang bersua muka dengan Putera Harry dari Britain dalam satu acara iftar sempena lawatan putera itu ke Jamiyah tahun lalu.

Putera Harry berada di Singapura dalam satu rangka lawatan rasmi.

"Kami berbul rancang mengenai isu-isu semasa. Walaupun beliau putera raja, beliau peramah orangnya. Beliau bertanya tentang ibadah puasa, santapan terbuka dan budaya masyarakat Islam kita. Inilah isu-isu yang kita boleh bincangkan jika kita dekat dengan orang-orang lain."